

SULIT
1249/1
Sejarah
Kertas 1
September
1 Jam



1249/1

**PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA-PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA (PKPSM) CAWANGAN MELAKA
DENGAN KERJASAMA
JABATAN PELAJARAN MELAKA**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010**

MATA PELAJARAN

SEJARAH

Kertas 1

Satu jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Kertas soalan ini mengandungi ? halaman bercetak.

1249/1
Sejarah
Kertas 1
September
1 Jam



**PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA-PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA (PKPSM) CAWANGAN MELAKA
DENGAN KERJASAMA
JABATAN PELAJARAN MELAKA**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010**

MATA PELAJARAN

SEJARAH

Kertas 1

Satu jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan*
2. *Jawab semua soalan*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C, dan D. Bagi tiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas objektif yang disediakan*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru*

Kertas soalan ini mengandungi **19** halaman bercetak

[Lihat halaman sebelah

- 1 Apakah pengertian tamadun berdasarkan perspektif Barat?
- A Menekankan peradaban
 - B Merangkumi aspek rohaniah
 - C Melibatkan pembukaan bandar
 - D Mementingkan pembangunan lahiriah
- 2 Senarai di bawah merupakan unsur yang disembah oleh masyarakat tamadun awal.

- Laut
- Pokok
- Matahari

Mengapakah unsur-unsur di atas begitu dihormati oleh masyarakat?


- A Menjaga kemakmuran hidup
- B Menghormati ciptaan tuhan
- C Merupakan punca rezeki
- D Memelihara persekitaran

- 3 Tokoh-tokoh berikut memberi sumbangan yang besar kepada tamadun awal manusia

Tamadun	Tokoh
India	Chandragupta Maurya
China	Shih Huang Ti

Apakah persamaan peranan kedua-dua tokoh tersebut?

- A Mengasaskan pemerintahan diktator
 - B Melaksanakan perluasan empayar
 - C Mengutamakan aspek keagamaan
 - D Memperkenal perundangan moden
- 4 Rajah di bawah menerangkan perubahan sistem pemerintahan di Rom.



Mengapakah berlakunya perubahan tersebut?

- A Peranan orang Aryan
- B Perluasan pengaruh Etruscan
- C Penguasaan kumpulan tentera
- D Pemberontakan bangsawan

- 5 Penduduk maritim berdagang dengan masyarakat di luar kawasannya dan mampu belayar ke tempat yang jauh

Apakah kemahiran yang digunakan oleh mereka untuk sampai ke suatu tempat?

- A Mengkaji pasang surut air
 - B Berdasarkan arah tiupan angin
 - C Berpandukan gunung-ganang
 - D Melihat bintang di langit
- 6 Telaga Batu merupakan tempat suci di Palembang pada zaman Srivijaya
Apakah kepentingannya?
- A Tempat membekalkan air minuman
 - B Tempat menjalankan upacara keagamaan
 - C Tempat pembesar mengangkat sumpah
 - D Tempat menyimpan patung dewa
- 7 Petikan di bawah menggambarkan kedudukan wanita pada Zaman Jahiliah.

“Sekiranya salah seorang diberitahu tentang kelahiran anak perempuan, mukanya menjadi merah kerana terlalu marah dan mereka menyembunyikan diri. Apakah patut dipeliharanya dengan rasa malu atau ditanam dalam tanah”


Mengapakah masyarakat Arab Jahiliah membunuh bayi perempuan sejeurus sahaja dilahirkan?

- A Patuh arahan ketua kabilah
- B Penerusan tradisi nenek moyang
- C Menjatuhkan maruah keluarga
- D Korban upacara kegamaan

8 Mengapakah Nabi Muhammad s.a.w. digelar al-Amin?

- A Perbuatan sentiasa dipercayai
- B Kelembutan tutur kata
- C Bijaksana memimpin
- D Kesabaran tinggi

9 Rajah berikut merujuk kepada isi kandungan Perjanjian Aqabah Pertama yang ditandatangani pada tahun 621 Masihi



Apakah X ?

- A Menerima kepimpinan baginda
- B Meninggalkan amalan jahiliah
- C Menghentikan persengketaan
- D Mempertahan kemuliaan agama

- 10 Tokoh berikut memainkan peranan penting semasa peristiwa Hijrah

Abdul Rahman bin Auf

Apakah peranan beliau?

- A Menyelesaikan persengketaan
 - B Menangani ancaman musuh
 - C Menyumbangkan harta
 - D Mengetuai rombongan
- 11 Apakah usaha yang dilakukan oleh Khalifah Abu Bakar al-Siddiq untuk melicinkan pentadbiran kerajaan Islam?

- A Mengurangkan birokrasi
- B Memperkenal sistem urus setia
- C Menubuhkan jabatan kerajaan
- D Membahagikan wilayah

- 12 Senarai berikut merujuk kepada golongan yang menentang pemerintahan Bani Umayyah

- Syiah
- Khawarij

Mengapakah berlakunya penentangan tersebut?

- A Pelaksanaan undang-undang tanah
- B Pengamalan sistem warisan
- C Pungutan cukai membebankan
- D Pengagihan ekonomi tidak seimbang

- 13 Senarai berikut merupakan kawasan-kawasan baru yang berjaya dikuasai oleh Tun Perak pada abad ke-15

- Siak
- Rokan
- Kampar

Apakah kesan daripada penguasaan kawasan-kawasan tersebut?

- A Perluasan syiar Islam
 - B Penyebaran adat istiadat Melaka
 - C Warisan kesultanan diperkukuh
 - D Kepesatan ilmu pengetahuan
- 14 Ulama berikut memainkan peranan penting semasa kegemilangan Islam di Aceh

- Hamzah al- Fansuri
- Syamsudin al- Sumaterani

Apakah sumbangan mereka?

- A Menguruskan majlis pertabalan
- B Mengetuai protokol istana
- C Menjadi penasihat raja
- D Melantik pembesar

- 15 Apakah kepentingan daulat pada zaman Kesultanan Melayu Melaka?
- I Menjamin penguasaan pemerintah
 - II Memperkukuh kedudukan raja
 - III Mendapat penghormatan rakyat
 - IV Mengekalkan kedaulatan wilayah
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 16 Sekiranya anda ingin bertugas sebagai guru agama pada zaman masyarakat Melayu tradisional, institusi pendidikan formal manakah yang menjadi pilihan anda?
- A Madrasah
 - B Pondok
 - C Istana
 - D Surau

17 Peristiwa berikut berlaku di Eropah selepas kejatuhan tamadun Rom

Tahun	Peristiwa
476 – 1050 M	Zaman Gelap

Apakah ciri zaman tersebut?

- I Kegiatan perdagangan lembab
 - II Kehidupan perbandaran merosot
 - III Pengamalan perbuatan tidak bermoral
 - IV Penindasan rakyat oleh golongan bangsawan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

18 Maklumat di bawah memerihalkan falsafah politik oleh Niccolo Machiavelli

The Prince (Penguasa)

Apakah kesan falsafah politik yang dikemukakan oleh beliau terhadap masyarakat Eropah?

- A Penguasaan gereja
- B Perluasan imperialisme
- C Pemantapan sistem monarki
- D Pengukuhan nasionalisme


- 19 Jadual berikut menunjukkan peningkatan keluasan kawasan tanaman getah di Tanah Melayu semasa pendudukan British

Negeri	Tahun		
	1905	1907	1909
Perak	11 934	46 167	68 278
Selangor	25 758	61 552	93 953

Mengapakah berlaku peningkatan tersebut?

- A Tanah yang subur
 - B Kemasukan pemodal asing
 - C Galakan pembesar tempatan
 - D Bilangan tenaga buruh ramai
- 20 Mengapakah British memperkenalkan Rancangan Sekatan Stevenson di Tanah Melayu pada tahun 1922?
- A Menyekat kemasukan pelabur asing
 - B Menghalang pembukaan tanah baru
 - C Mengawal pengeluaran bijih timah
 - D Menstabilkan harga getah

21 Garis masa berikut merujuk kepada pengenalan akta oleh British di Burma



Apakah kesan pengenalan akta tersebut?

- A Memodenkan pentadbiran
- B Mengikis fungsi institusi agama
- C Menamatkan pentadbiran tradisional
- D Mengembalikan kuasa raja

22 Maklumat berikut menerangkan sistem birokrasi Barat yang diperkenalkan oleh Raja Mongkut di Thailand

- Melantik 80 penasihat Barat mengetuai pelbagai jabatan
- Penasihat kewangan dibawa dari Britain
- Penasihat ketenteraan dibawa dari Perancis

Mengapakah beliau berbuat demikian?

- A Menunjukkan kewibawaan
- B Mengukuhkan kedudukan
- C Mengekalkan kedaulatan
- D Memantapkan hubungan luar

- 23 Monolog berikut mungkin diungkapkan oleh penjajah dalam menyediakan kemudahan pendidikan di Indonesia

Pegawai Belanda : Sekolah untuk anak priyayi mesti diasingkan daripada sekolah anak orang biasa

Mengapakah penjajah berbuat demikian?

- A Melahirkan pegawai kerajaan
 - B Menghalang perpaduan rakyat
 - C Melahirkan golongan menengah
 - D Mendapat sokongan bangsawan
- 24 Mengapakah Haji Abdul Rahman Limbong menentang penjajahan British di Terengganu pada tahun 1922?
- A Penguatkuasaan undang-undang tanah
 - B Penghapusan amalan perhambaan
 - C Campur tangan dalam adat resam
 - D Hilang hak mengutip cukai

25 Senarai berikut merupakan pemimpin Gerakan Islah di Tanah Melayu

- Sheikh Tahir Jalaludin
- Dr Burhanudin al-Helmy

Apakah idea yang diketengahkan oleh mereka?

- A Melibatkan orang Melayu dalam pentadbiran
 - B Memajukan ekonomi orang Melayu
 - C Mengembalikan kuasa raja
 - D Menuntut kemerdekaan
- 26 Bagaimanakah sempadan sesebuah kerajaan ditentukan dalam sistem politik masyarakat Melayu tradisional?
- A Kesetiaan rakyat
 - B Kestabilan politik
 - C Kekuatan pemerintah
 - D Keutuhan undang-undang

27 Jadual berikut merupakan peristiwa penting yang berlaku di Eropah pada abad ke 18

Tahun	Peristiwa
1776	Perang Kemerdekaan Amerika
1789	Revolusi Perancis

Apakah idea baru yang muncul kesan daripada peristiwa tersebut?

- I Pengukuhan sistem feudal
- II Kemuculan masyarakat majmuk
- III Kelahiran negara bangsa moden
- IV Pembentukan kerajaan berperlembagaan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV


28 Maklumat di bawah merupakan antara syarat perjanjian Malayan Union 1946

British menyatukan semua Negeri Melayu Bersekutu, Negeri Melayu Tidak Bersekutu dan dua Negeri Selat (tidak termasuk Singapura)

Mengapakah British mengasingkan Singapura?

- A Kepentingan sebagai pelabuhan bebas
- B Penentangan penduduk setempat
- C Melicinkan pentadbiran pusat
- D Desakan pembesar tempatan

- 29 Mengapakah golongan Melayu radikal menyokong gagasan Malayan Union?
- A Memantapkan sistem pentadbiran
 - B Memajukan pendidikan peribumi
 - C Mengukuhkan kuasa pembesar
 - D Mengekalkan kerakyatan asal
- 30 Rajah berikut merupakan notis yang dikeluarkan oleh British dalam menangani gerakan anti penyerahan di Sarawak



- Apakah langkah yang diambil oleh kakitangan kerajaan sebagai bantahan terhadap tindakan tersebut?
- A Mengadakan demonstrasi
 - B Melancarkan mogok
 - C Meletakkan jawatan
 - D Menganjurkan kongres
- 31 Apakah tujuan Sistem Ahli diperkenalkan di Tanah Melayu pada tahun 1951?
- A Melatih penduduk tempatan mentadbir negara
 - B Membentuk sistem perundangan yang mantap
 - C Meningkatkan taraf hidup penduduk
 - D Mengekang pengaruh komunis

- 32 Dato' Onn Ja'afar mencadangkan pembukaan keahlian UMNO kepada orang bukan Melayu pada tahun 1951 tetapi ditentang oleh masyarakat tempatan

Apakah tindakan beliau seterusnya?

- A Menubuhkan Parti Perikatan
 - B Meninggalkan UMNO
 - C Membubarkan UMNO
 - D Mendapatkan sokongan raja Melayu
- 33 Maklumat berikut menunjukkan perkembangan politik yang berlaku di Singapura pada tahun 1961

Peristiwa
Barisan Sosialis memenangi pilihan raya Hong Lim

Mengapakah Lee Kuan Yew bimbang dengan peristiwa tersebut?

- A Kegiatan ekonomi merosot
- B Perpecahan masyarakat berlaku
- C Rancangan kemerdekaan tergugat
- D Kemasukan pengaruh asing

- 34 Gambar berikut merupakan pemimpin sebuah parti politik di Sarawak



- Mengapakah Parti Bersatu Rakyat Sarawak di bawah pimpinan beliau berterusan menentang gagasan Malaysia?
- A Rakyat kehilangan identiti
 - B Rancangan kemerdekaan tergugat
 - C Penguasaan ekonomi orang Cina terjejas
 - D Bimbang dikuasai Persekutuan Tanah Melayu
- 35 Apakah perkara sensitif yang tidak boleh dipersoalkan dalam perlembagaan negara?
- A Bidang kuasa Perdana Menteri
 - B Kedudukan bahasa Melayu
 - C Perlantikan ketua hakim
 - D Keputusan pilihan raya
- 36 Bagaimanakah pemilihan Yang di-Pertuan Agong dilaksanakan di Malaysia?
- A Sistem penggiliran
 - B Prinsip musyawarah
 - C Proses pilihan raya
 - D Secara warisan

37 Agensi berikut ditubuhkan dalam Rancangan Malaya Pertama

Lembaga Pembangunan Industri Desa (RIDA)
--

Apakah peranannya?


- I Memberi suntikan modal
- II Memasarkan hasil pertanian
- III Membawa masuk buruh luar
- IV Menyediakan peluang pekerjaan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

38 Mengapakah Dasar Penswastaan diperkenalkan oleh kerajaan dalam Rancangan Malaysia Keempat?

- A Meningkatkan taraf hidup rakyat
- B Membangunkan kawasan luar bandar
- C Menggalakkan kemasukan pelabur asing
- D Mengurangkan beban kewangan kerajaan

- 39 Rajah di bawah merujuk kepada peristiwa yang berlaku di Eropah selepas Perang Dunia Kedua



Mengapakah konflik tersebut berlaku?

- A Pembinaan negara bangsa
 - B Persaingan pasaran dunia
 - C Perbezaan fahaman politik
 - D Perluasan tanah jajahan
- 40 Malaysia menganggotai ahli Bank Dunia yang ditubuhkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada tahun 1945
- Bagaimanakah negara kita menggunakan bantuan kewangan yang diperolehi dari bank tersebut?
- A Melengkapkan infrastruktur di bandar
 - B Membangunkan prasarana pendidikan
 - C Memajukan sektor perindustrian
 - D Meningkatkan taraf kesihatan